

9hb. Mei, 1977

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1977

### Perletakan jawatan dari Perkhidmatan

#### Kerajaan

Saya diarah menarik perhatian kepada peraturan 61 (a), **Perintah Am Bab 'A'**, mengenai perletakan jawatan oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan dan menjelaskan cara perletakan jawatan itu dilaksanakan.

2. Mengikut peraturan 61(a) **Perintah Am Bab 'A'** seseorang pegawai yang hendak meletakkan jawatannya hendaklah terlebih dahulu memberi notis berhenti kerja seperti berikut:-

- (i) Pegawai-pegawai yang telah disahkan dalam jawatan ..... tiga bulan notis atau membayar sebulan gaji pengganti notis;
- (ii) Pegawai-pegawai dalam percubaan atau pegawai-pegawai sementara ) ..... sebulan notis atau membayar sebulan gaji sebagai pengganti notis;
- (iii) Pegawai-pegawai kontrek ) ..... mengikut syarat-syarat dalam kontrek.

Notis meletakkan jawatan hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan yang akan memanjangkannya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk keputusan.

3. Dalam melaksanakan perletakan jawatan berdasarkan peraturan 61(a) **Perintah Am Bab 'A'** itu, beberapa masalah telah timbul akibat dari permohonan oleh pegawai-pegawai yang telah memberi notis meletakkan jawatan untuk menarik balik notis ' tersebut. Notis menarik balik perletakan jawatan pada amnya dikemukakan:-

- (i) Sebelum tarikh perletakan jawatan berkuatkuasa; atau
- (ii) Selepas tarikh perletakan jawatan berkuatkuasa.

Terdapat perbezaan di antara kedua-dua cara notis tersebut dikemukakan. Dalam kes pertama, pegawai-pegawai tersebut masih lagi berkhidmat dan perkhidmatan mereka belum terputus oleh kerana penarikan balik perletakan jawatan dibuat sebelum tarikh perletakan jawatan berkuatkuasa. Dalam kes kedua, perkhidmatan mereka telah terputus oleh kerana penarikan balik perletakan jawatan dibuat selepas mereka meninggalkan jawatan. Tetapi terdapat juga pegawai-pegawai yang masih terus berkhidmat walaupun tarikh perletakan jawatan telah berkuatkuasa

dan kemudiannya memohon menarik balik perletakan jawatan tersebut.

4. Mulai tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, cara perletakan jawatan di laksanakan adalah seperti berikut:-

- (a) Dalam meluluskan permohonan perletakan jawatan yang diterima oleh Ketua-ketua Jabatan dan dipanjangkan ke jabatan ini, tarikh yang dipohon untuk melepaskan jawatan adalah dianggap sebagai tarikh perletakan jawatan tersebut berkuatkuasa tidak kira samada kelulusan resmi telah diterima dari Jabatan ini atau belum. Pegawai-pegawai berkenaan tidak boleh terus berkhidmat selepas tarikh tersebut;
- (b) Bagi pegawai-pegawai yang mengemukakan permohonan menarik balik perletakan jawatan dan diterima oleh Jabatan ini sebelum tarikh perletakan jawatan berkuatkuasa, kelulusan untuk membatalkan perletakan jawatan tersebut bergantung kepada pertimbangan dan budibicara Jabatan ini. Jika sekiranya kelulusan tidak diberi hingga tarikh kuatkuasa perletakan jawatan, maka pegawai-pegawai tidaklah boleh terus berkhidmat selepas tarikh itu;
- (c) Bagi pegawai-pegawai yang mengemukakan permohonan menarik balik perletakan jawatan yang diterima oleh Jabatan ini selepas tarikh perletakan jawatan berkuatkuasa, permohonan tersebut tidak akan dipertimbangkan langsung. Jika pegawai yang berkenaan datang ke pejabat untuk bertugas, Ketua Jabatan tidak boleh menerimanya.

5. Ketua-ketua Jabatan adalah diminta, supaya mengambil perhatian yang berat terhadap peraturan-peraturan meletakkan jawatan dan akibatnya seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dan menyampaikannya kepada pengetahuan semua pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan masing-masing.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. SALEH BIN YAHAJA)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,  
Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Salinan Kepada:

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
(Semenanjung Malaysia)